

BAB I

BAB I**PENDAHULUAN****A. LATAR BELAKANG MASALAH**

Berdasarkan tajuk disertasi ini, penulis merasa amat penting dikemukakan latar belakang masalah terhadap kajian yang dibuat. Penumpuan kajian dikhkususkan kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pembatasan tersebut adalah disebabkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan tempat pertemuan berbagai-bagai etnik dan agama di Malaysia. Ia juga merupakan pusat pentadbiran negara, pusat perdagangan, pusat kegiatan politik dan pusat pelancongan. Masyarakatnya terdiri dari berbagai budaya dan gaya hidup. Masyarakat seperti ini amat sesuai untuk dijadikan sampel kepada seluruh masyarakat Islam di Malaysia. Bagi memudahkan perbincangan, penulis membahagikan bab ini kepada:

1. Sejarah ringkas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
2. Penduduk; dan
3. Perkembangan ekonomi.

1. Sejarah Ringkas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mula ditubuhkan pada 1 Februari 1974. Ia merupakan detik bermulanya bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya menjadi hak kerajaan pusat Malaysia.¹ Sebelum itu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak di bawah pentadbiran negeri Selangor.

Kuala Lumpur dipercayai memperolehi namanya dari sebatang sungai iaitu Sungai Lumpur.² Kuala bererti suatu tempat yang terletak di muara sungai. Pada hakikatnya sejarah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada sejarah Selangor. Berdasarkan ahli-ahli sejarah, adalah jelas bahawa Kuala Lumpur mula diduduki sejak awal abad ke 19 Masihi. Pendapat ini dapat dibuktikan kebenarannya kerana pada permulaan abad tersebut, kawasan sekitar Kuala Lumpur merupakan salah satu tempat yang dikenali sebagai kawasan bijih timah. Bijih yang terdapat di kawasan ini dikatakan bermutu

¹Asmad (t.t), *Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.*, hlm. 5.

²Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990) *Album 100 Tahun Kuala Lumpur Menjadi Penguasa Tempatan.* Kuala Lumpur: Puteries, hlm. 4 dan 5.

tinggi.³ Dalam tahun 1870, jumlah penduduknya sekitar 2000 orang sahaja. Penemuan bijih timah telah mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan serta mendorong pula pertumbuhan pesat penduduk Kuala Lumpur. Pada penghujung abad ke 19 Masihi, jumlah penduduknya mencapai hampir 30,000 orang.⁴

Selangor telah muncul sebagai sebuah kesultanan pada tahun 1766. Ahli-ahli sejarah mencatatkan bahawa orang Bugislah yang mengasaskan kerajaan beraja di Selangor ini.⁵ Setakat ini Selangor telah berada di bawah pemerintahan lapan orang sultan. Sultan Selangor yang pertama ialah Sultan Salahuddin (1766 - 1782), manakala sultan Selangor yang ke lapan ialah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, iaitu putera al-Marhum Sultan Hisyamuddin Alam Syah.⁶ Perlantikan sultan Selangor yang

³ *Ibid.*, hlm. 12.

⁴ Tung Loon Eng et.al. (t.t), *Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: PTM Communications, hlm. 12.

⁵ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), *op.cit.*, hlm. 1.

⁶ Salasilah Kesultanan Selangor boleh dilihat di Lampiran F. *Ibid.*; Asmad (1987), *Selangor Darul Ehsan*. Kuala Lumpur: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd., hlm. 13; t.p (1989), *Enchanting Selangor Darul Ehsan*. Shah Alam : Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, t.h.

ke lapan ini diadakan pada 3 September 1960. Baginda masih memerintah hingga kini.⁷

Kegiatan melombong bijih timah terus berkembang selepas tahun 1824. Putera-putera raja dan aristokrat Melayu merupakan pemilik lombong ketika itu. Sultan Selangor ke III iaitu Sultan Muhammad (1826 - 1857) telah melabur dalam sektor perlombongan tetapi tidak berjaya. Walau bagaimanapun dua orang adik beradik yang berasal dari Riau, Raja Jumaat bin Raja Jaafar dan Raja Abdullah bin Raja Jaafar telah menyelamatkan baginda daripada keadaan itu. Raja Jumaat dan Raja Abdullah merupakan anak saudara baginda sendiri.⁸ Kedua-dua mereka telah mendapat ganjaran daripada sultan.⁹

Sultan Muhammad telah mengahwinkan puterinya dengan Raja Jumaat. Pada tahun 1846, baginda melantik Raja Jumaat sebagai pentadbir Lukut iaitu suatu kawasan perlombongan bijih timah di Selangor.¹⁰ Di bawah pentadbiran Raja Jumaat, Lukut telah berkembang maju dan

⁷Ibid., hlm. 29.

⁸The Kuala Lumpur Municipal Council (DBKL) (1959), *Kuala Lumpur 100 Years*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. hlm. 7.

⁹Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), *op.cit.*, hlm. 2.

¹⁰Asmad (1987), *op.cit.*, hlm. 17.

menjadi sebuah bandar moden yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu. Ramai pekerja lombong berbangsa China bekerja dengan Raja Jumaat. Beliau telah membina jalanraya dan menubuhkan satu pasukan polis beruniform.¹¹

Pada akhir tahun 1849 atau awal tahun 1850, Raja Abdullah telah berkahwin dengan anak saudara Sultan Muhammad dan dilantik sebagai pentadbir Lembah Klang. Raja Abdullah telah membelanjakan sejumlah besar wang untuk membangunkan Wilayah tersebut. Beliau telah berjaya menjadikan perlombongan bijih timah semakin penting. Apabila kegiatan perlombongan berkembang, ramai pedagang China dari Lukut tertarik untuk datang ke Lembah Klang, khususnya di penempatan yang menjadi pusat bagi lombong-lombong di Ampang iaitu Kuala Lumpur.¹²

Orang yang mula-mula membuka Kuala Lumpur masih belum dipastikan dengan tepat. Bagaimanapun berdasarkan tokoh-tokoh utama di dalam sejarah perlombongan bijih timah di sekitar Kuala Lumpur pada masa dahulu, ada pendapat yang mengatakan orang yang mula-mula membuka Kuala Lumpur ialah Raja Abdullah bin Raja Jaafar.¹³

¹¹ *Ibid.*, hlm. 3.

¹² *Ibid.*

¹³ Asmad, *op.cit.*, hlm. 12.

Zaman awal Kuala Lumpur mencatatkan beberapa perang saudara akibat perebutan tanah lombong dan hak memungut cukai eksport galian yang berharga itu. Dalam tahun 1857, berlaku beberapa kekacauan di Lembah Klang. Sultan Muhammad telah mangkat pada tahun 1857. Baginda diganti oleh Raja Abdul Samad, anak saudara dan juga menantu baginda.¹⁴ Perkembangan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan putera-putera baginda iaitu Raja Sulaiman, Raja Othman dan Raja Yusof. Perebutan kuasa juga berlaku di antara Raja Mahadi anakanda Raja Sulaiman dengan Raja Abdullah yang mana telah membawa kepada perang saudara. Situasi bertambah buruk pada tahun 1869 apabila timbul pula perebutan kuasa di antara dua kumpulan China - puak Fiu Chiu Hakka yang dipimpin oleh Yap Ah Loy dan puak Kah Ying Chiu Hakka pimpinan Chong Chong. Menantu Sultan Abdul Samad, Tengku Kudin cuba menjadi orang tengah tetapi tidak berjaya.

Keadaan ini terus berlanjutan dan masih tidak dapat diselesaikan sehingga tahun 1872 - 1873. Dalam situasi itu British secara tidak langsung mula campurtangan. Gabenor British telah merestui permintaan

¹⁴J.M. Gullick (1993), *Glimpses Of Selangor 1860-1898*, Tan Sri Dato' Dr. Mubin Sheppard (ed.), Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS), hlm. 1.

Tengku Kudin agar orang-orang Pahang dibenarkan membantunya. Dengan bantuan dari Pahang, Tengku Kudin berjaya menewaskan musuh-musuhnya. Dengan itu berakhirlah perang saudara.¹⁵

Peperangan itu menyebabkan kemusnahan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun peperangan tersebut tidak menghalang perkembangannya, malah selepas perang, Kuala Lumpur memperlihatkan pertumbuhan yang pesat.¹⁶ Yap Ah Loy telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembinaan semula bandar itu. Frank Swettenham mendakwa Kuala Lumpur adalah perkampungan paling elok dan paling maju di antara mana-mana perkampungan dalam Selangor.¹⁷ Kegiatan-kegiatan ekonomi yang lebih penting ketika itu berlaku di sekitar Kuala Lumpur.

Berbagai usaha telah dilakukan untuk memperbaiki bandar Kuala Lumpur. Pada tahun 1880, Kuala Lumpur dipenuhi dengan pondok-pondok atap. Walau bagaimanapun pada tahun 1882, Frank Swettenham sebagai Residen telah membaik pulih Kuala Lumpur dengan mewajibkan para

¹⁵Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), *op.cit.*, hlm. 7.

¹⁶Tung Loon Eng et.al., *op.cit.*, hlm. 18.

¹⁷Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), *op.cit.*, hlm. 8.

penghuni agar membina semula bangunan-bangunan mereka dengan menggunakan bata dan ubin. Tetapi Kuala Lumpur masih lagi merupakan sebuah perkampungan.¹⁸ Pada tahun 1887, terdapat sebanyak 518 buah rumah batu di Kuala Lumpur. Penduduknya pula berjumlah lebih kurang 4050 orang.¹⁹

Pada tahun 1875, Pentadbiran British telah ditubuhkan di negeri Selangor. Ibu negerinya adalah Klang. Pada tahun 1880, ibu negeri Selangor berpindah ke Kuala Lumpur.²⁰ Menjelang tahun 1920-an, Kuala Lumpur telah menjadi sebuah bandar yang cukup penting untuk dilawati oleh tokoh-tokoh terkenal dari bahagian-bahagian lain di dunia.²¹

Dalam tahun 1948, Kuala Lumpur menjadi ibu negeri kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu selepas pendudukan Jepun dan Malayan Union.²² Kawasan Kuala

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 14.

¹⁹ The Kuala Lumpur Municipal Council (1959), *op.cit.*, hlm. 15.

²⁰ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), *op.cit.*, hlm. 10.

²¹ *Ibid.*, hlm. 97.

²² Harun Derauh et.al. (ed.) (1992), *Information Malaysia 1992 - 1993 Year Book*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., hlm. 746.

Lumpur dibahagikan kepada 4 kawasan iaitu Sentul, Bangsar, Petaling dan Imbi.²³ Sejak negara ini merdeka, Kuala Lumpur menjadi ibu negara Malaysia. Pada 1 Februari 1972, ibu kota Malaysia itu diberikan taraf 'bandaraya' oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.²⁴

Kedudukannya yang istimewa di tengah-tengah Semenanjung Malaysia membolehkan Kuala Lumpur dihubungi dari semua penjuru negara. Faktor ini mempercepatkan proses pembangunan bandaraya sehingga menjadi bandar terpenting bukan sahaja di Malaysia malah di rantau Asia Tenggara.²⁵ Ini menyebabkan Kuala Lumpur tidak dapat menjalankan fungsinya serentak sebagai ibu negeri Selangor dan ibu kota negara. Dengan itu, langkah-langkah dijalankan bagi membentuk Wilayah Persekutuan sebagai kotaraya ibu negara Malaysia.

Pada 1 Februari 1974, sultan Selangor dengan rasminya menyerahkan kotaraya ini kepada Yang DiPertuan

²³Asmad, *op.cit.*, hlm. 23.

²⁴*Ibid.*, hlm. 5.

²⁵ Abdul Aziz Md. Zin (1993), "Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam". Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, (Tesis Ph.D) hlm. 7 dan 9; Marzuki Yusoff, "Kuala Lumpur Menuju 2020", *Utusan Malaysia*, 2 September 1994, hlm. 6.

Agong. Mulai saat itu, Kuala Lumpur diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.²⁶ Pada tahun 1978, Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan untuk merangka perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur. Dasar-dasar yang ditentukan oleh Kementerian ini dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya.²⁷

Ketua Pentadbir Kementerian Wilayah Persekutuan bergelar Datuk Bandar. Datuk Bandar Kuala Lumpur yang pertama ialah Tan Sri Lokman bin Yusof, manakala Datuk Bandar yang ada sekarang ialah Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.²⁸

Pada tahun 1987, Kementerian Wilayah Persekutuan dimansuhkan. Dengan itu Wilayah Persekutuan diletakkan di bawah satu bahagian di Jabatan Perdana Menteri yang

²⁶ Abdul Aziz Md. Zin, op.cit. , hlm. 6; Tung Loon Eng et.al. op.cit., hlm. 20.

²⁷ Tung Loon Eng et.al., *ibid.*

²⁸ Datuk Bandar Kuala Lumpur yang kedua ialah Tan Sri Yaacob Latiff. Beliau diganti oleh Tan Sri Dato' Elyas Omar, Dato' Dr. Mazlan Ahmad pula dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang keempat. Datuk Bandar yang ada sekarang merupakan Datuk Bandar kelima. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1994), *Beautiful Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Administration And Public Affairs Division Secretariat City Hall*, t.h; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996), *Belanjawan 1997: Mengurus Dan Pembangunan. Kuala Lumpur: DBKL*, t.h; Asmad, op.cit., hlm. 9; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), op.cit., hlm. 148-150.

dikenali sebagai Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dengan Dewan Bandaraya sebagai 'penggeraknya'.²⁹

Bagi masyarakat antarabangsa mereka lebih mengenali Kuala Lumpur daripada nama Wilayah Persekutuan itu sendiri.

2. Penduduk

Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada 3 kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun terdapat juga keturunan Eropah, kacukan Asia dan Eropah (Eurasian), keturunan Bugis dari Jawa, keturunan Arab dan lain-lain negeri di Timur Tengah.³⁰

Keadaan masyarakat Malaysia berbilang kaum yang wujud sekarang adalah hasil dari proses sejarah. Titik tolak evolusi sejarah masyarakat negara ini bermula dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang kemudiannya dijajahi oleh kuasa-kuasa barat.

²⁹ Gulrose Kasim (ed.) (1989), *Information Malaysia 1989 Year Book*. Kuala Lumpur; Berita Publishing, hlm. 711.

³⁰ Josephine Kamn (1963), *Malaya And Singapore*. London: Longmans, Green and Co. Ltd., hlm. 27.

Perubahan bilangan penduduk begitu pesat dalam jangka masa 3 dekad yang pertama. Pada tahun 1901, Kuala Lumpur masih lagi sebuah pusat bandar yang kecil dengan penduduk lebih kurang 32,000 orang. Tetapi antara tahun 1901 dan 1947, kadar pertumbuhan penduduk menjadi tinggi. Kadar pertumbuhan penduduk meningkat dengan cepatnya daripada tahun 1947 hingga 1957 dan 1957 hingga 1970, tetapi selepas itu mula menurun.³¹

Menurut bancian pada 1991, jumlah penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 1,145,012 orang.³² Bancian Tahun 1995 pula menunjukkan anggaran penduduk pada pertengahan tahun tersebut ialah 1,330,5 orang.³³ Jika kadar pertambahannya mengikut keadaan biasa, pada tahun 2000 jumlahnya dijangka akan meningkat kepada 2.2 juta orang. Pertambahan yang cepat ini adalah akibat daripada perkembangan ekonomi yang pesat, menyebabkan ia menjadi tumpuan penghijrah dari kawasan-kawasan luar

³¹ Mohd Razali Agus (1991), *Pola-pola Petempatan Masyarakat Melayu di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 2.

³² Nik Safiah Hj. Abdul Karim. et.al. (ed.) (t.t.), *Women of Malaysia*. Malaysia: Asian Institute For Development Communication, hlm. 7.

³³ Jabatan Perangkaan Malaysia (1996), *Buku Maklumat Perangkaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, hlm. 3.

bandar dan bandar-bandar kecil yang berdekatan.³⁴

Perkembangan penduduk yang pesat menyebabkan sempadan bandaraya Kuala Lumpur juga turut berubah. Dalam tahun 1887, luas kawasan bandaraya Kuala Lumpur lebih kurang 0.25 batu persegi. Bandaraya itu membesar sehingga 5 batu persegi pada 1901, 17 batu persegi dalam tahun 1911 dan 36 batu persegi dalam tahun 1957.³⁵

Kini, Kuala Lumpur dengan keluasan 243.65 kilometer persegi masih mempunyai 37 buah kampung tradisi. Jumlah penduduk yang tinggal di tanah-tanah hak milik sendiri ialah 255,017 orang.³⁶.

Pada zaman awal Kuala Lumpur, setelah melombong bijih timah menjadi suatu kegiatan ekonomi yang penting, bandar yang kecil itu terbahagi kepada dua bahagian penempatan. Orang Melayu mendiami sebelah utara manakala orang China pula di sebelah selatan. Terdapat 2 buah perkampungan Melayu yang utama iaitu Kampung Rawa (letaknya lebih kurang di tapak ibu pejabat Bank

³⁴Asmad, *op.cit.*, hlm. 31.

³⁵Mohd. Razali Agus, *op.cit.*, hlm. 2.

³⁶Asmad, *op.cit.*, hlm. 31; Jabatan Perangkaan Malaysia (1995), *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1994*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, hlm. 6.

Bumiputera dan Jalan Melaka hari ini) dan Kampung Jawa (lebih kurang terletak di tapak Masjid Jamek sekarang).³⁷

Apabila British memulakan perlombongan bijih timah, semakin ramai orang China berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu untuk bekerja di lombong-lombong bijih.³⁸ Kebanyakan mereka berasal dari kawasan Kwangtung dan Hokkien.³⁹ Seperti juga di negeri China, orang China di Malaysia ini terkenal dengan sikap berani, rajin berusaha dan kuat bekerja. Dengan itu, mereka lebih terkehadapan dalam bidang ekonomi berbanding dengan kaum lain. Mereka memajukan perusahaan melombong di mana orang Melayu tidak mengusahakannya.

Orang China juga turut menguasai hampir keseluruhan perniagaan besar di dalam negeri. Bandaraya Kuala Lumpur berfungsi sebagai pusat kegiatan ekonomi kaum China. Mereka juga berjaya menjawat berbagai-bagai jawatan penting seperti peguam, doktor, pegawai bank dan sebagainya. Walaupun mereka bersahabat dengan lain-lain

³⁷Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1990), *op.cit.*, hlm. 4.

³⁸Josephine Kamn, *op.cit.*, hlm. 31.

³⁹Jabatan Muzium Dan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara (1981), *Pameran Adat Resam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, hlm. 7.

kaum, tetapi orang China tidak akan membiarkan kaum lain mencampuri perniagaan mereka. Sekiranya sesebuah firma mempunyai pekerjaan kosong, mereka biasanya mengutamakan pekerja China sahaja.⁴⁰

Kedatangan imigran India adalah berkait rapat dengan perkembangan pertanian di Semenanjung Tanah Melayu, khususnya pertumbuhan industri getah dalam abad ke 20.⁴¹ Kebanyakan pekerja di ladang-ladang getah terdiri daripada kaum India.⁴² Dalam tahun 1911, 60% daripada pekerja estet adalah orang India.⁴³ Komuniti India terbahagi pula kepada beberapa kumpulan iaitu India-Muslim, Sikh dan Hindu.⁴⁴

Berbeza daripada kaum Melayu, kaum China dan India telah menetap selama lebih satu abad di Kuala Lumpur. Dengan ini, mereka mempunyai lebih banyak peluang dan

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 33.

⁴¹ Ooi Jin-Bee (1976), *Peninsular Malaysia*. New York: Longman Group Limited, (diterbitkan pada 1963 di bawah tajuk: Land, People And Economy In Malaya), hlm. 119.

⁴² Jabatan Muzium dan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, *op.cit.*, hlm. 7.

⁴³ Ooi Jin-Bee, *op.cit.*, hlm. 117.

⁴⁴ J.M. Gullick (1983), *The Story of Kuala Lumpur (1957 - 1939)*. Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., hlm. 105.

lebih luas pengalaman dalam kegiatan ekonomi. Selain bekerja di estet, kaum India juga bekerja sebagai buruh di Keretapi Tanah Melayu atau di Jabatan Kerja Raya. Kaum India yang berpendidikan tinggi pula bekerja dalam bidang-bidang profesional di sektor awam dan swasta.⁴⁵

Masyarakat Melayu di Kuala Lumpur berkurangan disebabkan mereka bertaburan di kampung-kampung di bahagian utara dan selatan bandar.⁴⁶ Pada akhir kurun ke 19, orang Melayu di Kuala Lumpur kebanyakannya tinggal di berek polis.⁴⁷

Hampir 41.8% penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada golongan penghijrah dari beberapa negeri lain di Malaysia. Dari jumlah ini, 35% adalah golongan belia dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun.⁴⁸ Kebanyakan mereka adalah golongan muda yang bekerja dalam berbagai bidang pekerjaan di negeri ini. Kuala Lumpur juga menjadi tumpuan pendatang asing tanpa izin dari

⁴⁵ Mohd Razali Agus, *op.cit.*, hlm. 7.

⁴⁶ J.M. Gullick, *op.cit.*, hlm. 83.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 84.

⁴⁸ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1984), *Pelan Struktur Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd., hlm. 139.

negara-negara lain seperti Indonesia, Filipina, Bangladesh dan lain-lain.

Dewasa ini, kawasan-kawasan kediaman memaparkan corak penempatan satu kaum yang amat ketara. Hubungan sosial antara kaum kebanyakannya terhad kepada tempat kerja dan pada musim perayaan sahaja. Ciri-ciri sosial yang berbeza di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutama dari sudut taburan penduduk dan pola penempatan yang mencerminkan masyarakat satu kaum sedikit sebanyak menimbulkan masalah. Pemusatan orang Melayu di Kampung Bharu, Kampung Abdullah Hukum, Kampung Kerinchi dan kawasan Gombak dan Setapak, orang China di Jinjang dan Sungai Besi serta orang India di Sentul dan Brickfields merupakan gejala penting yang menimbulkan jurang perkauman.⁴⁹

3. Perkembangan Ekonomi

Pembangunan dan pemodenan bandaraya Kuala Lumpur berlaku dengan pesat. Ia tidak seimbang dengan pembangunan rohani dan pemikiran individu yang menjadi penghuni bandaraya tersebut, terutamanya generasi muda. Sekiranya dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai oleh

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 143.

Wilayah Persekutuan dalam memenuhi fungsi ekonomi dan pentadbiran, maka usaha menaikkan taraf sosial serta penyediaan kemudahan-kemudahan sosial yang mencukupi juga masih ketinggalan.⁵⁰

Sebagaimana ditulis di awal perbincangan ini, antara faktor utama yang mendorong perkembangan bandar Kuala Lumpur sekitar pertengahan abad ke 19 ialah penemuan bijih timah. Ia telah berjaya menarik minat penduduk dari kawasan-kawasan pantai datang ke kawasan-kawasan pendalam. Kejayaan operasi-operasi yang dijalankan itu telah menarik sebilangan besar para pedagang untuk mendirikan pusat-pusat perlombongan dan mengeksport hasil-hasil itu di kawasan-kawasan pantai.⁵¹

Selain dari itu sejumlah besar para imigran telah dibawa masuk bagi memenuhi keperluan tenaga buruh dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di Kuala Lumpur.⁵² Di antara tahun 1878 dan 1891, pengeluaran bijih timah sekitar

⁵⁰Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1984), *op.cit.*, hlm. 139.

⁵¹Muhammad Hj. Yusuf dan Rustam A. Sani (1978), "Masyarakat Melayu Bandar: Latar belakang Struktur Bagi Memahami Sistem Dan Norma", Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. (Kertas kerja dibentang dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat-masyarakat Malaysia 27-29 Mac 1978), hlm. 2.

⁵²*Ibid.*

Kuala Lumpur meningkat 5 kali ganda. Pada mulanya perusahaan melombong di kawasan ini dikuasai sama oleh saudagar-saudagar perusahaan dari Eropah khususnya dari England.⁵³

Dalam bidang pertanian, Kuala Lumpur merupakan tempat yang mula-mula sekali diusahakan penanaman kopi. Di antara tahun 1884 hingga 1894, terdapat kira-kira 1835 hektar tanah di sekitar Kuala Lumpur yang diusahakan dengan penanaman kopi oleh orang Eropah. Walaubagaimanapun bagaimanapun perusahaan ini tidak dapat bertahan lama, bukan sahaja disebabkan kejatuhan harga kopi tetapi juga kerana menghadapi masalah serangan serangga yang merosakkan tanaman itu.⁵⁴ Dengan itu penanaman getah telah menggantikan perusahaan kopi. Ia juga diusahakan oleh syarikat-syarikat dari Eropah yang mempunyai pejabat di Kuala Lumpur.

Peningkatan ekonomi perusahaan dan perdagangan Kuala Lumpur pada tahun 1885 menyebabkan wujudnya perusahaan bank perdagangan. Perkembangan ekonomi yang baik menggalakkan pertambahan penubuhan bank dari semasa ke

⁵³ Asmad, *op.cit.*, hlm. 23.

⁵⁴ *Ibid.*, hlm. 24.

semasa.⁵⁵ Walau bagaimanapun perkembangan Kuala Lumpur sekitar tahun 1930-an, adalah dalam keadaan tidak menentu. Kemerosotan ekonomi dunia pada tahun 1931 telah menyebabkan harga getah dan bijih timah merosot.⁵⁶

Pertumbuhan ekonomi Wilayah Persekutuan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kedudukan sosial bandaraya. Pada hakikatnya perkembangan ekonomi ini sedang dan akan terus menarik penghijrah ke kawasan itu. Kebanyakan belia yang berhijrah adalah kerana mendapat tawaran kerja atau mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun ketiadaan kemahiran dan pengalaman bekerja mungkin menyebabkan mereka menganggur. Ini mendedahkan mereka kepada berbagai jenis penyimpangan sosial yang kurang sihat seperti jenayah, lepak, penagihan dadah, pelacuran dan sebagainya.⁵⁷

Di samping itu timbul pula masalah yang berkaitan dengan perumahan, kemiskinan serta pola kediaman penduduk yang berasaskan perkauman. Kajian mengenai kedudukan sosial dan penyediaan keperluan masyarakat di Wilayah

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ J.M. Gullick, *op.cit.*, hlm. 164.

⁵⁷ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1984), *op.cit.*, hlm. 142.

Persekutuan pada tahun 1984 menyatakan bahawa 37% daripada penduduknya mempunyai pendapatan isi rumah kurang dari RM500.00 sebulan dan dianggarkan 12.7% berpendapatan kurang dari RM300.00 sebulan di bawah garis kemiskinan mutlak.⁵⁸

Tumpuan ramai ke Kuala Lumpur mendesak perancangan dan pemberian taraf hidup. Projek pembangunan masyarakat yang dijalankan di Wilayah Persekutuan adalah bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan sosial serta mengeratkan perhubungan antara penduduk. Matlamat sosial yang terpenting bagi Wilayah Persekutuan adalah untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh penduduk dengan mengambil kira perlunya menyatukan berbagai golongan masyarakat.⁵⁹

B. PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH

Dalam menyempurnakan penulisan mengenai perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam, penulis merasa perlu diketengahkan beberapa pendetailan mengenai tajuk disertasi ini. Semoga dengan pendetailan ini akan memberikan satu ruang lingkup yang tepat apabila penulis

⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 139.

⁵⁹ *Ibid.*, hlm. 142.

membincangkan tajuk ini secara terperinci nanti.

Perkataan perubahan berasal dari kata 'ubah' yang membawa erti peralihan atau pertukaran.⁶⁰ Profesor Dr. Soejono Soekanto dalam bukunya, 'Kamus Sosiologi' mendefinisikan 'change' dalam bahasa Inggeris kepada satu peristiwa yang menyangkut perubahan posisi unsur-unsur suatu sistem sehingga struktur sistem tersebut berubah.⁶¹

'Nilai-nilai' pula merupakan standard dan prinsip kita dalam mempertimbangkan harga (worth) sesuatu benda. Dalam bahasa Inggeris ia disebut 'value'.⁶² Nilai adalah kriteria bagi kita mempertimbangkan sesuatu benda (manusia, objek, idea, tingkahlaku dan situasi) sebagai baik, berfaedah, diingini atau sebaliknya, buruk, tidak berfaedah, dibenci atau di antara kedua pola ini iaitu sederhana.⁶³

⁶⁰Teuku Iskandar (1993), *Kamus Dewan (Edisi Baru)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1421.

⁶¹ Soerjono Soekanto, S.H., M.A., (1985), *Kamus Sosiologi Edisi Baru*. cet. ke 2, Jakarta: C.V. Rajawali, hlm. 71.

⁶²R.E. Allen (ed.) (1988), *The Oxford Dictionary of Current English*. cet. ke 7, New York: Oxford University Press, hlm. 835.

⁶³Koo Kee Peng dan Tong Chee Yee (1990), *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., hlm. 71.

Istilah 'moral' berasal dari perkataan Latin, 'moralis' yang bererti tingkahlaku yang sesuai dengan peraturan masyarakat.⁶⁴ Kamus Oxford mendefinisikan perkataan 'moral' kepada sesuatu yang berkaitan dengan ciri-ciri atau perangai baik dan buruk atau yang membezakan di antara betul dan salah.⁶⁵

Dr. Musak Mantrak, salah seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa berpendapat, akhlak dan moral adalah satu istilah yang berbeza makna. Menurut beliau, moral adalah sesuatu yang lahir dari individu tanpa sebarang pedoman. Ini berbeza dengan akhlak iaitu yang lahir hasil dari akidah yang mantap dan kefahaman agama yang jitu, atau dalam lain perkataan hasil dari panduan wahyu Ilahi.⁶⁶

Prof. Madya Dr. Abdul Halim El-Muhammady, mendefinisikan istilah moral dan akhlak dengan satu definisi. Menurut beliau nilai-nilai moral dalam Islam

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 1.

⁶⁵ R.E. Allen, *op.cit.*, hlm. 477.

⁶⁶ Pandangan beliau dalam satu siri kuliah untuk pelajar-pelajar Diploma Pendidikan UIA pada Ogos 1993.

adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah mengikut peredaran masa, tempat dan manusia.⁶⁷

Penulis bersetuju dengan pandangan Dr. Abdul Halim El-Muhammady yang menggunakan istilah moral dan akhlak dalam situasi yang sama bagi menggambarkan manusia muslim yang berperibadi mulia. Istilah moral juga digunakan oleh Dr. Mohammed Khalifa dalam bukunya '*The Sublime Quran And Orientalism*'.^{67a} Ini dapat dilihat dalam perbincangan beliau tentang kod moral Al-Quran. Dr. Hassan Langgulung, dalam bukunya '*Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*',^{67b} turut melihat pendidikan moral dengan kacamata Islam. Beliau berpendapat sistem moral (akhlak) dalam Islam berkait rapat dengan sistem kepercayaan, ibadat dan lain-lain. Menurut beliau lagi, ini membezakan pendidikan moral dalam Islam dengan pendidikan moral yang dipinjam dari barat yang memisahkan moral dari kekuasaan Tuhan. Di dalam buku '*Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam Dan Barat*' yang ditulis oleh Mohd. Nasir Omar menyatakan bahawa moral dan etika dalam tradisi Islam - meskipun berbeza dikenali sebagai akhlak.^{67c}

⁶⁷ Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 23.

^{67a} Mohammad Khalifa (1983), *The Sublime Qur'an And Orientalism*. London; Longman Group UK Limited, hlm. 164-191.

^{67b} Hasan Langgulung (1981), *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur; Pustaka Antara, hlm. 145 -151.

^{67c} Mohd. Nasir Omar (1992), *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam Dan Barat*. Kuala Lumpur; Jabatan Perdana Menteri, hlm. 69.

dan *al-Hadith* dalam bentuk perintah-perintah, larangan-larangan dan petunjuk-petunjuk untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat.⁷¹

Dalam al-Quran, perkataan Islam disebut sebanyak 8 kali, iaitu dalam surah *Āli Ḥmrān* ٦٣, (2 kali), *al-Maidah* (1 kali), *al-An`ām* (1 kali), *al-Zumar* (1 kali), *al-Saff* (1 kali), *al-Ḥujurāt* (1 kali) dan *a-Taubah* (1 kali).⁷² Dasar-dasar agama Islam pada setiap zaman dan bagi setiap umat tidak berubah. Yang berubah hanyalah hal-hal yang berhubung dengan syariat sahaja.⁷³

Berdasarkan huraian perkataan-perkataan yang telah diberikan: 'Perubahan Nilai-Nilai Moral Masyarakat Islam: Suatu Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur', membawa maksud pemerhatian terhadap perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan meninjau sejauhmana ia menepati atau menyeleweng daripada landasan Islam.

⁷¹t.p. (1977), *Al-Munjid Fī Al-Lughat* cet. 22, Bēirūt: Dār al-Masyriq, hlm. 347; Dewan Redaksi, (1994), *Ensiklopedi Islam* 2. cet. ke 3, Jakarta; PT Ichtiar Baru, hlm. 247.

⁷²Dewan Redaksi, *ibid.*

⁷³ Shodiq dan H. Shalahuddin Chaery (1983), *Kamus Istilah Agama*. Jakarta: Penerbit C.V. Sienttarama. hlm. 147.

Setelah penulis mengemukakan pengertian tajuk, beberapa perumusan masalah yang menjadi asas penting dalam perbincangan ini telah dibuat, iaitu:

1. Maksud perubahan masyarakat secara umum.
2. Bagaimana agama dan fahaman nenek moyang terdahulu mempengaruhi masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Maksud perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam dengan mengemukakan definisi nilai dan moral serta membincangkan nilai-nilai tersebut secara lebih terperinci.
4. Sejauh mana perubahan nilai-nilai moral yang telah berlaku di dalam masyarakat Islam serta faktor-faktor yang mendorong perubahan tersebut.
5. Bagaimana pembentukan peribadi manusia muslim terhasil melalui tarbiah Rasulullah dan pendekatan beberapa orang tokoh moral Islam terhadap masalah moral masyarakat.

6. Masalah moral yang berlaku di kalangan orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan peranan para pendakwah dalam menangani permasalahan ini.

C. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan kerana beberapa sebab. Di antaranya:

1. Bidang kajian ini kurang diceburi oleh para pengkaji Islam sedangkan masalah perubahan nilai-nilai moral merupakan persoalan yang banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengabaian terhadap topik ini mendorong penulis untuk membuat kajian secara lebih mendalam.
2. Untuk membuka pemikiran masyarakat Islam dan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang cara-cara mengimbangi perubahan nilai-nilai moral dengan pembentukan peribadi mulia dari perspektif Islam.

3. Untuk menarik minat para penulis dan pengkaji lain agar turut sama menerokai bidang kajian ini.
4. Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat kelayakan Ijazah Sarjana Usuluddin.

D. METODOLOGI

Dalam usaha menyiapkan kajian ilmiah ini, penulis menggunakan beberapa metod bagi mendapatkan maklumat serta data. Metod-metod tersebut ialah:

1. Metod Pengumpulan Data; dan
 2. Metod Analisis Data.
1. Metod Pengumpulan Data.

Dalam rangka untuk proses pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data, penulis menggunakan dua bentuk kajian iaitu:

- a. Kajian Perpustakaan; dan
- b. Kajian Luar atau Lapangan.

Kajian berbentuk perpustakaan merangkumi 2 bentuk metod iaitu:

- i. Metod Historis
- ii. Metod Dokumentasi

Manakala kajian yang berbentuk kajian luar ialah:

- i. metod interview
 - ii. metod observasi
 - iii. metod questional
- a. Kajian Perpustakaan
- i. Metod Historis

Metod historis ialah sebuah proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran gejala, peristiwa atau gagasan yang timbul di masa lampau bagi memenuhi generalisasi yang berguna dalam usaha memahami kenyataan-kenyataan sejarah, situasi sekarang dan meramalkan perkembangan yang akan datang.⁷⁴ Penyelidikan yang menggunakan metod

⁷⁴ Winarno Surachmad (1970), *Dasar Dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*. Edisi Kelima, Bandung: Penerbit C.V. Tarsito, hlm. 123.

historis adalah penyelidikan mengaplikasikan metod pemecahan yang ilmiah dari perspektif sejarah sesuatu masalah.

Metod ini digunakan dalam bab pertama, kedua dan ketiga. Dalam bab pertama, pada bahagian latar belakang masalah, penulis membincangkan secara ringkas sejarah Wilayah Persekutuan, penduduknya dan perkembangan ekonomi yang menjadikan Wilayah Persekutuan tumpuan para penghijrah dari negeri-negeri lain.

Dalam bab kedua, metod ini digunakan dalam mencari fakta mengenai sejarah kedatangan Islam di Kepulauan Melayu, pengaruh agama animisme, Hindu, Buddha dan fahaman Barat terhadap masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Metod ini turut digunakan di dalam bab ketiga iaitu dalam meneliti sirah Rasulullah s.a.w dan mengkaji latar belakang kehidupan beberapa orang tokoh moral Islam.

ii. Metod Dokumentasi

Metod ini bererti cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen yang ada

hubungan dengan masalah yang diteliti.⁷⁵ Dokumen pula bermaksud benda yang bertulis yang dapat memberi berbagai keterangan.⁷⁶ Di antara perkara yang berkaitan dengan dokumen ialah gambar, kumpulan-kumpulan hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan,⁷⁷ autobiografi, surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, memori akhbar, cerita roman serta cerita rakyat dan sebagainya.⁷⁸

Walaupun metod ini hampir sama dengan metod historis dari sudut kajian dokumen-dokumen tertentu, tetapi ia berbeza sifatnya kerana ia bukan hanya terbatas kepada penelitian sejarah. Dengan metod dokumen, penyelidikan mungkin diadakan mengenai masa sekarang di samping penyelidikan mengenai sesuatu yang sudah terjadi.⁷⁹

Metod ini banyak digunakan dalam bab pertama, kedua dan ketiga. Dalam penulisan ini penulis telah melakukan

75 Abdul Halim Mat Diah (1986), "Falsafah Pendidikan Islam Di Institut Pengajian Tinggi Di Malaysia", Yogyakarta: IAIN (Tesis Ph.D) hlm. 115.

76 Imam Barnadib (1982), Arti dan Metode Sejarah Pendidikan. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP, hlm. 5.

77 *Ibid.*

78 Koentjaraningrat (ed.) (1986), Metod-metod Penelitian Masyarakat. Jakarta: P.P. Gramedia, hlm. 116.

79 Winarno Surachmad, *op.cit.*, hlm. 123.

kajian terhadap dokumen-dokumen yang berbentuk:-

- al-Quran dan al-Hadith.
- buku-buku, surat khabar dan majalah

Selain daripada itu ia juga melibatkan bahan-bahan bertulis yang tidak diterbitkan seperti tesis, kertas seminar dan sebagainya.

Metod dokumentasi ini penulis gunakan untuk menerangkan hampir keseluruhan latar belakang masalah, di dalam bab pertama. Dalam bab kedua ia digunakan dalam meneliti perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam, adat resam dan cara hidup mereka serta faktor-faktor yang mendorong perubahan tersebut. Manakala dalam bab ketiga pula, penulis lebih banyak menumpukan perhatian terhadap sumber dari al-Quran dan al-Hadith.

b. Kajian Luar Atau Lapangan.

i. Metod Interview

Metod interview ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden melalui percakapan secara berhadapan

muka.⁸⁰ Metod ini merupakan suatu pembantu utama bagi metod observasi.⁸¹

Ada dua jenis wawancara yang pada dasarnya berbeza sifat iaitu:

- Wawancara untuk mendapatkan keterangan dan data dari individu-individu tertentu untuk keperluan informasi. Individu sasaran wawancara ini disebut informan.
- Wawancara untuk mendapatkan keterangan tentang diri peribadi, pendirian atau pandangan dari individu yang diwawancara untuk keperluan komparasi. Individu sasaran ini dipanggil responden.⁸²

Dalam usaha untuk mendapatkan data yang diperlukan, penulis membuat beberapa siri temubual dengan individu-individu tertentu yang dirasakan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Metod ini penulis gunakan sepenuhnya dalam bab keempat.

⁸⁰Koentjaraningrat, *op.cit.*, hlm. 129.

⁸¹*Ibid.*

⁸²*Ibid.*, hlm. 130.

ii. Metod Observasi

Observasi merupakan suatu penelitian yang sistematik dan dipertimbangkan dengan baik melalui pengamatan terhadap kejadian-kejadian spontan pada masa ia terjadi.⁸³

Observasi merupakan satu tugas yang sulit kerana seseorang penyelidik itu lebih cenderung memasukkan perasaan dan emosi ke dalam apa jua yang diobservasikan.⁸⁴ Walau bagaimanapun observasi biasanya merupakan peringkat awal siasatan dan mungkin juga dilakukan bersama-sama dengan kajian dokumen dan ujikaji.⁸⁵

Terdapat dua jenis pemerhatian yang utama iaitu pemerhatian ikut serta dan pemerhatian tanpa serta. Dalam penyelidikan ini penulis mengambil metod observasi secara pemerhatian tanpa serta kerana agak sukar bagi penulis ikut serta dalam kegiatan-kegiatan kelompok tertentu. Metod ini juga banyak digunakan dalam bab keempat.

⁸³ Winarno Surachmad *op.cit.*, hlm. 98.

⁸⁴ *Ibid.*, hlm. 90.

⁸⁵ Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (pentj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 390.

iii. Metod Questionnaire

Metod Questionnaire bermaksud suatu dasar pertanyaan untuk memperolehi data yang merupakan jawapan-jawapan daripada responden.⁸⁶

Metod ini juga penulis gunakan di dalam bab keempat.

2. Metod Analisis Data

Setelah semua data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul melalui metod-metod yang digunakan, penulis mengadakan pengolahan data dan diikuti dengan penganalisaannya. Di dalam proses penganalisaan data, penulis menggunakan metod analisis diskriptif kuantitatif. Penggunaan metod ini secara umum adalah melalui tiga kaedah utama iaitu:

- a. metod induktif
- b. metod deduktif
- c. metod komparatif

⁸⁶Koentjaraningrat, *op.cit.*, hlm. 173.

A. Metod Induktif

Ia bermaksud suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dalam hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.⁸⁷

Penulis menggunakan metod ini dalam masalah berikut:

- i. Rumusan masalah dalam bab pertama.
- ii. Laporan penyelidikan dan pentafsiran data dalam bab empat.
- iii. Kesimpulan dalam bab kelima bagi membuat kesimpulan secara keseluruhannya.

B. Metod Deduktif

Metod ini digunakan serentak dengan penggunaan metod induktif. Metod deduktif bererti pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum, terhadap hal-hal khusus.⁸⁸ Dalam hal ini penulis merumuskan maklumat-maklumat dan data-data yang khusus sebagai kesimpulan yang umum.

⁸⁷ Imam Barnadib, *op.cit.*, hlm. 52.

⁸⁸ *Ibid.*

Penggunaan metod ini dilakukan di dalam bab pertama, kedua, ketiga dan keempat.

Dalam bab pertama metod ini dapat dilihat di dalam pembahagian susunan penulisan di mana penulis membahagikan kepada lima bab. Huraihan terperinci dapat dilihat dalam bab yang telah ditentukan.

Dalam bab kedua penulis mendefinisikan erti perubahan masyarakat dan tumpuan dikhkususkan kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan meneliti sejarah kedatangan Islam di Kepulauan Melayu. Begitu juga dalam bab ketiga, penulis membincangkan secara khusus tentang pendekatan beberapa orang tokoh moral Islam terhadap masalah moral pada zaman mereka.

Manakala dalam bab keempat penulis cuba menganalisa data secara terperinci dan perbandingan khusus dibuat di antara topik kajian yang dikemukakan dengan kesan-kesan yang timbul di dalam masyarakat.

C. Metod Komparatif

Selain daripada metod induktif dan deduktif, penulis

juga akan menggunakan metod komparatif dalam menganalisa dan menulis hasil penyelidikan ini.

Metod komparatif ialah cara membuat kesimpulan melalui perbandingan beberapa data yang diperolehi dalam masa penyelidikan yang dilakukan.⁸⁹ Segala fakta dan data serta pandangan masyarakat dibuat perbandingan secara ilmiah. Hasil perbandingan tersebut dibuat kesimpulan dalam penulisan ini. Penggunaan metod ini boleh dilihat pada perkara berikut:

- i. Dalam bab kedua iaitu perubahan nilai-nilai moral yang telah berlaku dalam masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ii. Dalam bab ketiga iaitu pandangan tokoh-tokoh moral Islam seperti Imam al-Ghazali dan sebagainya tentang masalah moral serta cara mengatasinya.
- iii. Menganalisa data mengenai masalah moral yang berlaku dalam masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini dapat dilihat di dalam bab keempat.

⁸⁹ Abdul Halim Hj. Mat Diah *Suatu Contoh Tentang Huraiyan Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, hlm. 136.

E. SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam pengkajian ini penulis membahagikan kandungan kajian kepada lima bab. Bab pertama merupakan pendahuluan yang merangkumi latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, tujuan kajian, metodologi serta sistematika penulisan.

Bab kedua pula membicarakan tentang landasan teori. Penulis meneliti tentang konsep perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan membincangkan definisi perubahan masyarakat secara umum, sejarah kedatangan Islam di Kepulauan Melayu, pengaruh agama dan fahaman lain terhadap masyarakat Islam termasuk juga adat resam dan cara hidup mereka, definasi nilai dan moral, penyerapan nilai Islam dalam kehidupan mereka, perubahan yang berlaku terhadap nilai-nilai moral dalam masyarakat Islam dan juga faktor-faktor yang mendorong perubahan.

Bab ketiga menyentuh tentang pandangan Islam terhadap perubahan nilai-nilai moral masyarakat dengan mengkaji moral Islam dan moral jahiliah, lingkungan moral dalam Islam dan mengenali peribadi muslim yang sebenar. Penulis turut mengimbas kembali metod tarbiah Rasulullah

dalam pembentukan peribadi muslim di samping menyentuh tentang bagaimana Rasulullah berjaya mengubah moral masyarakat jahiliah secara drastik. Penulis juga mengkaji tentang pandangan beberapa orang tokoh akhlak Islam dan pendekatan mereka terhadap masalah moral.

Bab keempat. Bagi menganalisis data-data yang diperolehi, penulis meneliti bentuk perubahan moral yang berlaku di kalangan orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sasaran kajian adalah terhadap golongan remaja dan dewasa. Penulis cuba meninjau peranan pertubuhan dakwah dalam menangani permasalahan ini dan menganalisis sejauhmana keberkesanan program dan peranan mereka dalam masyarakat Islam.

Bab kelima merupakan bab penutup. Dalam bab ini penulis mengemukakan kesimpulan dan juga beberapa saranan sebagai hasil dari penyelidikan yang telah dilakukan.